

23 FEBRUARI 2018

Dua pelajar perempuan dicekup dalam Ops Sarang Narkotik

Dua pelajar perempuan dicekup dalam Ops Sarang Narkotik

Oleh GHAZALI ALIAS

KUANTAN - Polis menahan seramai 51 individu termasuk dua pelajar perempuan yang disyaki terlibat dalam aktiviti penagihan dadah dalam Ops Sarang Narkotik 2 di sini semalam.

Operasi yang bermula pada pukul 10.30 malam hingga pukul 4.30 petang itu menyasarkan kepada kawasan sekitar bandar dan Felda Lepar Hill 1

hingga 4. Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof berkata, kesemua tangkapan melibatkan 44 lelaki dan tujuh perempuan berusia antara 18 hingga 56 tahun.

"Hasil daripada tangkapan, dua daripada tujuh penagih wanita berumur 18 dan 19 tahun merupakan pelajar sebuah kolej kementerian kerajaan yang ditang-

kap bersama seorang lagi rakan dan dua lelaki ketika menginap di sebuah rumah tumpangan di sini.

"Kesemua tangkapan meliputi kesalahan memiliki dadah serta positif pengambilan bahan terlarang itu," katanya pada sidang media Ops Sarang Narkotik 2 di sini semalam.

Tambahnya hasil siasatan mendapati hampir 50 peratus tangkapan mempunyai rekod lampau

manakala jumlah rampasan melibatkan 5.2 gram (g) syabu, 0.03g yaba dan 1.08g ganja.

Semua tangkapan direman bermula 22 hingga 24 Februari bagi membantu siasatan.

Azli turut memberitahu, pihaknya juga membongkar taktik yang menjadikan rumah tumpangan dan inap desa sebagai lokasi tumpuan penagih dadah untuk berkumpul.



MOHAMAD NOOR menyatakan sesuatu kepada beberapa individu yang ditahan di sekitar Kuantan semalam.